

## SOALAN LAZIM UNTUK KEMASUKAN MURID BAHARU KE SBP

S1 Jawapan	<p>BUKU TAWARAN telah dimuat turun selepas setuju terima Surat Tawaran. Adalah perlu ikut dan beli mengikut senarai semak tersebut.</p> <p><b>Tidak perlu ikut semua kerana setiap sekolah ada panduan pakaian sekolah sendiri dan juga peraturan sendiri. Buku Tawaran tersebut ialah panduan umum. Sekolah akan menyediakan lampiran mengenai pakaian harian murid di sekolah.</b></p>
S2 Jawapan	<p>Selain pakaian sekolah, apakah perkara lain yang tidak perlu ibu bapa sediakan?</p> <p><b>Ibu bapa tidak perlu menyediakan perkara berikut kerana penggunaan Digital yang dilihat lebih mudah dan praktikal.</b></p> <p class="list-item-l1">1. Gambar berukuran passport murid dan ibu bapa ✕</p> <p class="list-item-l1">2. Sampul surat dan stem ✕</p>
S3 Jawapan	<p>Ada ibu bapa yang sudah terbeli pakaian sekolah mengikut buku tawaran. Contohnya, seluar hijau/kain biru/kasut hitam bukan kulit.</p> <p><b>Tidak mengapa. Masih boleh dipakai buat sementara waktu. Namun begitu, murid masih perlu berpakaian mengikut peraturan sekolah nanti.</b></p>
S4 Jawapan	<p>Apa murid akan dapat ketika memasuki dorm?</p> <p><b>Pihak sekolah hanya menyediakan perkara berikut:</b></p> <p class="list-item-l1">1. 1 Katil (jenis bertingkat)</p> <p class="list-item-l1">2. 1 Bantal (boleh bawa bantal sendiri dari rumah)</p> <p class="list-item-l1">3. 1 loker</p>
S5 Jawapan	<p>Untuk pakaian hari Rabu, murid belum tahu Unit Beruniform masing-masing. Apa yang perlu dipakai oleh murid pada hari Rabu?</p> <p><b>Untuk sementara waktu, murid hanya berpakaian baju sekolah biasa mengikut hari Isnin/Selasa/Khamis. Setelah murid mendapat tahu mengenai Unit masing-masing, maka murid perlu berpakaian mengikut unit tersebut.</b></p>
S6 Jawapan	<p>Untuk baju kemeja sekolah bagi lelaki, boleh berlengan Panjang atau Pendek.</p> <p><b>Boleh kedua-duanya.</b></p>
S7 Jawapan	<p>Apakah jenis bayaran yang digunakan ketika murid membeli di kantin dan koperasi.</p> <p><b>Penggunaan wang tunai dan juga Kad Debit.</b></p> <p><b>Murid baharu perlu membuka akaun Bank Rakyat di sekolah nanti secara percuma.</b></p>

S8 Jawapan	Adakah murid perlu menyimpan sendiri kad pengenalan yang asli ?  <b>Perlu. Kerana ada urusan yang memerlukan kad pengenalan murid yang asal contohnya untuk mendapatkan rawatan di klinik/hospital dan urusan pembukaan akaun Bank Rakyat di sekolah nanti.</b>
S9 Jawapan	Adakah telefon awam disediakan di asrama?  <b>Telefon awam ada disediakan di dalam asrama dan terdapat dua jenis telefon awam. Penggunaan duit syiling dan kad (dibeli di koperasi).</b>